



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang, Selangor
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

KENYATAAN AKHBAR

2 FEBRUARI 2021

PENUTUPAN SEMENTARA DAN PERPINDAHAN OPERASI JETI PENUMPANG PELABUHAN SELATAN DI PELABUHAN KLANG

1. Jeti Penumpang Pelabuhan Selatan akan ditutup sementara kepada orang awam berkuat kuasa **1 Februari 2021 sehingga 3 Mac 2021** untuk membolehkan kerja-kerja menaik taraf kemudahan dan pengerukan dilakukan bagi tujuan meningkatkan tahap keselamatan di kawasan jeti tersebut.
2. Ketika kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan, semua operasi feri dan teksi air (*water taxi*) akan dipindahkan ke Terminal Penumpang Antarabangsa Asa Niaga Harbour City yang berdekatan sehingga kerja-kerja penyelenggaraan selesai.
3. Semua caj perkhidmatan penumpang dan caj penggunaan dermaga akan ditanggung oleh Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK). Setiap penumpang dibenarkan membawa dua bagasi secara percuma. Walau bagaimanapun, caj berpatutan akan dikenakan oleh pihak operator terminal bagi barangan bukan peribadi.
4. Jeti Penumpang Pelabuhan Selatan yang juga dikenali sebagai Jeti Awam Pulau Ketam menghubungkan penduduk serta pengunjung Pulau Ketam dan Sungai Lima. Jeti ini dibina pada tahun 2011 dan dikendalikan oleh LPK sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).
5. Kemudahan feri tersebut merupakan mod pengangkutan utama bagi penduduk serta pengunjung Pulau Ketam dan Sungai Lima pergi dan balik dari Pelabuhan Klang.
6. Segala kesulitan berhubung perkara ini amat dikesali dan kami hargai kesabaran anda demi keselamatan dan kebaikan pengguna Jeti Penumpang Pelabuhan Selatan pada masa akan datang.
7. Penumpang juga diingatkan bahawa perjalanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah dihadkan hanya kepada tujuan penting sahaja dan tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard berkaitan Kesihatan dan Keselamatan yang dikeluarkan.

Jabatan Komunikasi Korporat
Lembaga Pelabuhan Kelang
Tel: 03-3168 8211
Email: commercial@pka.gov.my

----- TAMAT -----



PORT KLANG AUTHORITY

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang, Selangor
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

PRESS RELEASE

2 FEBRUARY 2021

**TEMPORARY CLOSURE AND RELOCATION OF SOUTH PORT PASSENGER JETTY OPERATIONS
AT PORT KLANG**

1. South Port Passenger Jetty operations which caters for Pulau Ketam traffic will be temporarily closed to the public effective from **1st February 2021 until 3rd March 2021** to enable facilities maintenance and dredging works aimed at enhancing the safety of the jetty.
2. During the period of maintenance works, all ferry and water taxi operations temporarily will be **relocated to the nearby Asa Niaga Harbour City International Terminal** until the maintenance works are fully completed.
3. All passengers' service charges and berth occupancy charges for ferries and water taxi will be borne by Port Klang Authority (PKA). Each passenger is allowed to carry two reasonably sized items or packages free of charge. However, nominal charges will be imposed by the terminal operator for goods other than personal effects.
4. The South Port Passenger Jetty also known as Pulau Ketam Public Jetty at Port Klang serves the travel needs of daily ferry commuters and tourists between the mainland and Pulau Ketam and Sungai Lima. The current jetty which was built in 2011 and is operated by PKA as part of its Corporate Social Responsibility (CSR) program.
5. The ferry service is the main mode of transportation for Pulau Ketam residents to the city of Port Klang and vice versa as well as for tourists who visit Pulau Ketam or Sungai Lima.
6. We apologize for any inconvenience caused to the public and greatly appreciate your kind understanding and patience as this scheduled maintenance works is for the betterment of the jetty operations and safety, and in improving South Port Passenger Jetty's facilities for public usage.
7. Passengers are reminded that travel during the Movement Control Order (MCO) which is currently in force is restricted to essential purposes only and shall adhere to Health and Safety Standard Operating Procedure (SOP).

Corporate Communications Department
Port Klang Authority
Tel: 03-3168 8211
Email: commercial@pka.gov.my

----- END -----